

ADAT RESAM TUJUH ETNIK



Cetakan Pertama 2018

Diterbitkan oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam

Tel.: +673 2382511 Faksimile: +673 2380472/2381817
E-mel: pengarahdbp@dbp.gov.bn

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2018

Editor	:	Hajah Kaipah Abdullah Haji Ali Asnan Haji Pungut
Tim Penerbitan	:	Hajah Rohani Haji Abd. Hamid Hajah Siti Rubiah Haji Besar
Reka Bentuk Hiasan Kulit	:	Pengiran Khamarul Zaman Pengiran Haji Tajuddin

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Kesahihan fakta, dapatan dan tafsiran dalam buku ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraiyan pihak penerbit.

Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

ADAT resam tujuh etnik. -- Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018.
119 p.
ISBN 978-99917-68-27-4 (Softcover)
1. Malay (Asian people)--Social life and customs 2. Brunei Darussalam --Social life and customs
392.095955 ADA (DDC 23)

Rupa Taip Teks: Palatino, 11/13 poin

Dicetak oleh

Syarikat Perniagaan dan Perkhidmatan Percetakan Ezy Sdn. Bhd.,
Unit 1-7, 1st Floor, Bangunan Lela 3, Jalan Jerudong BG1321
Negara Brunei Darussalam

Adat Resam Menjemput Tetamu: Suatu Pengisahan Semula

Haji Juned Haji Ramli

Pengenalan

BOLEH DIKATAKAN setiap suku bangsa mempunyai adat dengan pengertian dan cara tersendiri. Adat berasal dari perkataan Arab bermaksud kebiasaan. Dalam konteks masyarakat Melayu, perkataan adat membawa pengertian yang lebih luas sehingga sukar untuk diberikan pengertian yang lebih konkret kerana penggunaan kata adat itu sendiri agak meluas dan dalam situasi yang tidak begitu terbatas. Justeru untuk memahami maksud adat setiap suku itu, kita harus memahami budaya dan falsafah mereka (Abdullah, 1975:3).

Mengikut H.B. Hooker dalam (H.M. Sidin 1964:6) bahawa istilah adat mempunyai makna dalam masyarakat Melayu, antaranya adat meliputi budi bahasa atau tata tertib, perlakuan yang wajar, sesuatu yang lazim dan undang-undang. Manakala H.M. Sidin berpendapat bahawa adat bermaksud satu kebiasaan daripada satu perbuatan yang diulang-ulang dan telah diterima oleh masyarakat sebagai satu peraturan hidup yang mesti dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat (H.M. Sidin, 1964:18).

Adat tidak dapat dipisahkan daripada tatasusila yang membataskan perlakuan baik dan buruk anggota masyarakat dan adat adalah meliputi hukum yang terdiri daripada norma-norma. Manakala norma-norma itu bersumberkan perasaan keadilan rakyat yang selalu berkembang dan meliputi peraturan tingkah laku manusia dalam kehidupan sehari-hari (Hooker, 1970:XI).

Berdasarkan tafsiran di atas, menunjukkan bahawa setiap masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat adalah masyarakat yang hidup bertatacara. Adat dalam suku bangsa juga berlainan cara perlaksanaan dan pemakaianya. Namun, semuanya itu mempunyai tujuan yang sama, iaitu membentuk satu masyarakat maju, dinamik dan progresif.

Perubahan Budaya Tradisional

Pelbagai cara digunakan untuk memperlihatkan bahawa budaya tradisional wujud sebagai ciri-ciri budaya yang lanjut usianya dan

mungkin tidak lagi berapa relevan dengan budaya moden masa kini, akan tetapi tetap mempunyai nilainya tersendiri seperti kita memakai pakaian tradisional pada masa-masa tertentu pada hari perayaan atau perkahwinan. Budaya melagau-lagau atau menjemput tetamu untuk sesuatu majlis merupakan tradisi lama. Pembaharuan dan kemajuan menghambat tradisi lama ini sehingga difikirkan untuk menghindari mana-mana amalan yang tidak sesuai dengan cara hidup moden.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu khususnya ke Negara Brunei Darussalam telah membawa perubahan besar dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Melayu Brunei. Bentuk kepercayaan animisme seperti memuja dewa-dewa, penunggu dan lainnya telah ditinggalkan, dan masyarakat Islam hanya memohon kepada Allah Yang Maha Esa.

Adat Resam Etnik Melayu Brunei

Adat resam ditafsirkan sebagai "Adat Kebiasaan" aturan-aturan yang menjadi adat resam seperti makan bertertib, bersopan santun ketika bertutur menjadi sebagai sifat, tabiat manusia semula jadi yang diikuti turun-temurun (Teuku Iskandar, 1984:975). Daripada pengertian itu dapat kita simpulkan bahawa adat resam ialah satu kebiasaan daripada suatu perbuatan yang diulang-ulang dan telah diterima oleh masyarakat sebagai satu peraturan hidup.

Setiap bangsa mempunyai adat resam masing-masing, begitu juga masyarakat Melayu. Adat resam masyarakat Melayu seperti adat perkahwinan, adat berpindah rumah baru, adat berkomunikasi, adat menziarahi keluarga dan sahabat handai, ketika menikmati hidangan, dan adat-adat lainnya. Adat resam serupa ini tidak terkecuali terdapat dalam masyarakat etnik Melayu Brunei khusus yang tinggal di Kampung Ayer. Adat resam yang mereka warisi merupakan cetusan peraturan dan panduan yang merupakan satu garis pandu sesuatu hukum atau perlakuan oleh masyarakat tersebut.

Mereka menjalani kehidupan berdasarkan amalan dan budaya nenek moyang mereka dalam menyempurnakan atau melaksanakan sesuatu aktiviti dalam kelompok mereka supaya aktiviti itu dapat berjalan dengan sempurna dan bertatatertib sesuai dengan amalan dan budaya mereka pada masa itu yang mementingkan kesopanan dan kesepakatan.

Perjalanan masa yang panjang dengan perkembangan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang teknologi masa kini, kita mendapati adat resam dan budaya itu semakin hilang dan ada yang pupus. Antara adat yang ingin disentuh, ialah tatacara dan budaya etnik Melayu

Brunei di Kampung Ayer menjemput sanak saudara dan jiran terdekat apabila hendak mengadakan kenduri-kendara, seperti majlis tahlil, doa kesyukuran dan seumpamanya.

Memohonkan dan Membaliki/Adat Menjemput Tetamu

Fenomena masyarakat etnik Melayu Brunei dahulu di Kampung Ayer dari segi sains sosial kajian mengenainya bermula daripada manifestasinya, baik benda atau alat dalam hidup kelompok, perlakuan terutama yang mempunyai pola yang berulang, pertanyaan tentang perkara-perkara yang tersirat sebalik pengucapan, perlakuan dan gerak kerja.

Kehalusan, kelembutan dan kesopanan yang membatasi kehidupan bermasyarakat ketika itu membentuk adat dan budaya yang menarik dan menjadi ikutan serta amalan yang berterusan dalam waktu yang panjang.

Pengaruh teknologi dan perkembangan ilmu pengetahuan yang semakin pesat akhirnya menghilangkan adat dan budaya khususnya apabila masyarakat sudah terdedah dengan peralatan terutama dalam bidang media tulis dan cetak serta dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik, berkesan, mudah dan cepat.

Perhubungan yang lebih baik dan mudah, kesibukan masyarakat masa kini dengan aktiviti dan apa jua bentuk kegiatan telah melenyapkan salah satu budaya menjemput dalam kalangan etnik Melayu Brunei.

Kampung dan Kedudukan Rumah-rumah di Kampung Ayer

Kampung Ayer suatu masa dahulu menjadi pusat kegiatan Brunei baik dalam pemerintahan, ekonomi, pendidikan dan budaya serta lainnya; menjadikannya sebagai penempatan yang sibuk dan mempunyai ramai penduduk.

Perhubungan di antara satu kampung dengan satu kampung ketika itu banyak menggunakan perahu, manakala sebahagian keluarga yang berdekatan dihubungkan dengan jambatan dalam satu kelompok keluarga yang terdekat sahaja dan diikuti oleh seorang ketua keluarga yang selalunya menjadi penyatu dan pemimpin dalam kalangan keluarga itu.

Kenduri-Kendara

Apabila sebuah keluarga hendak mengadakan kenduri-kendara, maka bérkulalah satu adat yang dipanggil melagau-lagau yang juga disebut memohonkan dan membaliki. Dalam konteks ini, perlakuan dan tatacara

yang unik dilaksanakan daripada mula mengundang sehingga selesai majlis, mengikut tertib dan tatasusila yang indah dan penuh kesopanan.

Adat Resam Mengundang Tetamu

Sudah menjadi kelaziman masyarakat untuk mengundang kaum keluarga, sahabat handai dan jiran apabila hendak mengadakan suatu majlis seperti majlis bertahlil. Setelah ditetapkan hari dan waktunya, pihak tuan rumah yang akan mengundang akan memilih seorang remaja lelaki yang mempunyai keolahan dan sifat yang sopan sebagai wakil untuk menemui orang yang akan dijemput atau sesiapa sahaja dalam keluarga di rumah itu jika tuan rumah tersebut tidak ada di rumah untuk menyampaikan jemputan. Urusan menjemput ini dipanggil melagau-lagau atau memohonkan. Remaja tersebut memakai pakaian lengkap seperti berbaju Cara Melayu, bersongkok dan berkain sarung. Remaja ini akan mengunjungi ke rumah-rumah berkenaan selalunya pada waktu pagi kerana lazimnya kenduri diadakan pada waktu petang selepas waktu asar.

Adat resam menjemput bermula apabila remaja yang melagau-lagau tadi mendatangi rumah orang yang akan dijemput. Sebaik sampai ke rumah yang dihajati, remaja itu tidak terus masuk ke dalam rumah tetapi duduk di pantaran dekat kepala tangga sambil memberi salam. Sekiranya salam tersebut tidak dijawab maka remaja tadi akan bergerak dan duduk di muka pintu rumah berkenaan dan memberi salam lagi. Jika tiada jua jawapan, barulah dia mengetuk pintu rumah itu serta memberi salam lagi sehingga tuan rumah atau sesiapa yang ada di rumah itu mengeluari. Sekiranya tuan rumah yang keluar, remaja tersebut tidak juga akan masuk ke dalam rumah sehingga dipelawa oleh tuan rumah, barulah remaja itu masuk, itupun di hadapan pintu di dalam rumah itu sahaja.

Bermulalah tuan rumah bertanya hajat remaja tersebut. Remaja itu akan menerangkan bahawa dia telah diwakilkan oleh si pulan bin si pulan untuk memohonkan tuan rumah ke rumah si pulan bin si pulan pada waktu tertentu. Sekiranya ramai ahli keluarga di dalam rumah itu yang dijemput, remaja berkenaan akan menyebut satu per satu namanya mereka. Remaja berkenaan akan memaklumkan akan membaliki mereka pada jam berkenaan. Begitulah adat resam menjemput. Remaja itu akan mendatangi ke semua rumah-rumah yang diarahkan untuk melagau sehingga selesai. Setelah selesai urusan menjemput, remaja itu akan menemui dan memaklumkan orang yang menyuruhnya bahawa